



11 APR, 2026

Hafizuddin ikrar halang jentera TNB ThunderStars



Berita Harian, Malaysia

Piala Sumbangsih

Hafizuddin ikrar halang jentera TNB ThunderStars

Kuala Terengganu: Penjaga gol utama Pasukan Hoki Terengganu (THT), Hafizuddin Othman tekad mempertahankan pintu golnya daripada dibolosi pemain TNB ThunderStars pada aksi merebut Piala Sumbangsih, hari ini.

Beraksi di tempat sendiri di Stadium Hoki Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT), Hafizuddin yang juga penjaga gol nombor satu kebangsaan tidak rela trofi itu terlepas di tangan musuh tradisi itu.

Musim lalu, penjaga gol kelahiran Terengganu berusia 34 tahun itu berjaya membantu THT menjujlang kejuaraan 'treble'

selepas berjaya merangkul trofi mempunyai ramai pemain kebangsaan, jadi apa yang saya TNB dengan semuanya menewaskan lawan sama, TNB.

"Kami tahu pasukan lawan dalam misi untuk mempertahankan

kan kejuaraan itu.

"Pada masa sama saya lihat kami juga mempunyai kelebihan iaitu beraksi di tempat sendiri, jadi sedikit sebanyak bakal meningkatkan lagi moral serta motivasi kami beraksi di depan penyokong setia.

"Secara peribadi saya juga tekad berusaha sehabis baik untuk elak pintu gol daripada dibolosi pemain lawan dan pada masa sama rakan sepasukan berikrar untuk bermain bermati-matian dalam perlawanan penentuan itu," ujar Hafizuddin.

Mengulas lanjut, penjaga gol berpengalaman itu akui skuad

lawan pasti mahu merampas kembali semua trofi yang dipertandingkan pada musim ini selepas kecewa pada musim lalu.

"Pemain lawan sudah pasti mahu balas dendam, jadi saya ingatkan kepada rakan sepasukan terutama pemain pertahanan supaya lebih berhati-hati bagi mengelak dihukum.

"Musim lalu kami berjaya mencipta kejuaraan 'treble' jadi untuk musim ini ia bukan tugas mudah untuk mengekalkannya, tapi dapat sekurang-kurangnya satu kejuaraan sudah memadai, jika lebih ia bonus buat pasukan," tegasnya.

“Pemain lawan sudah pasti mahu balas dendam, jadi saya ingatkan kepada rakan sepasukan terutama pemain pertahanan supaya lebih berhati-hati bagi mengelak dihukum”

Hafizuddin Othman

